



SIARAN AKHBAR

BENGKEL ISLAMIC DEVELOPMENT BANK (IDB) *SUKUK MODEL LAW*

28 Rejab 1438 bersamaan dengan 25 April 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Islamic Development Bank (IDB) mengajurkan Bengkel Islamic Development Bank (IDB) *Sukuk Model Law* pada hari ini, Hari Selasa, 25 April 2017 sehingga hari Rabu, 26 April 2017, di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.
2. Tetamu Kehormat bagi majlis pembukaan bengkel ini ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan.
3. Majlis pembukaan tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Awang Yusof bin Hj Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD, dan diteruskan dengan ucapnama daripada Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.
4. Bengkel ini adalah sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh IDB dan Islamic Research and Training Institute (IRTI), yang bertujuan untuk memberikan satu landasan bagi pakar-pakar di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan pengeluaran Sukuk bertukar-tukar pendapat dan seterusnya membolehkan pihak-pihak berkuasa menggubal sebuah rangkakerja undang-undang yang meliputi pengeluaran, pengawalseliaan dan pemantauan Sukuk.
5. Bengkel tersebut dihadiri oleh lebih daripada 100 orang peserta daripada bank-bank pusat serantau dan antarabangsa, dan pegawai-pegawai daripada sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam, serta pegawai-pegawai AMBD.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 28 Rejab 1438H / 25 April 2017M

Rujukan: AMBD/COMMS/ 3